



RINGKASAN EKSEKUTIF ANUGERAH EMAS KEDOKTORAN DAN ANUGERAH EMAS SARJANA

1. RINGKASAN ANUGERAH

- a. Nama Anugerah: Anugerah Emas Kedoktoran dan Anugerah Emas Sarjana.
- b. Pemenang dipilih mengikut bidang iaitu
 - i. Sains, Teknologi dan Kesihatan; dan
 - ii. Sains Sosial.Dua orang pemenang akan dipilih daripada setiap gugusan bidang bagi menerima anugerah tersebut mengikut peringkat pengajian iaitu seorang bagi kategori Kedoktoran dan seorang bagi kategori Sarjana. Jumlah pemenang setiap tahun adalah empat (4) orang.
- c. Pemenang akan menerima Pingat Emas bernilai RM1,000, Hadiah Wang Tunai (RM5,000 bagi Kedoktoran & RM2,500 bagi Sarjana) dan Sijil.

BIL.	NAMA ANUGERAH/ KATEGORI	BIDANG	HADIAH
1.	Anugerah Emas Kedoktoran	Pemenang dipilih mengikut bidang iaitu: <ol style="list-style-type: none">i. Sains, Teknologi dan Kesihatan; danii. Sains Sosial	Dua (2) pemenang akan menerima Pingat Emas bernilai RM1,000, Hadiah Wang Tunai RM5,000 dan Sijil setiap seorang.
2.	Anugerah Emas Sarjana	Pemenang dipilih mengikut bidang iaitu <ol style="list-style-type: none">i. Sains, Teknologi dan Kesihatan; danii. Sains Sosial	Dua (2) pemenang akan menerima Pingat Emas bernilai RM1,000, Hadiah Wang Tunai RM2,500 dan Sijil setiap seorang.

2. KRITERIA PEMENANG

BIL.	KRITERIA	PERINCIAN				
1.	Am	<ul style="list-style-type: none">➤ Calon tidak pernah dikenakan apa-apa tindakan tatatertib atau mempunyai kes tatatertib yang masih tertangguh keputusannya oleh Universiti/ Jawatankuasa Tatatertib Universiti sepanjang tempoh pengajian;➤ Calon tidak mempunyai apa-apa yuran tertunggak;➤ Calon telah mendapat surat pengesahan tamat pengajian daripada Senat UKM;➤ Tempoh pengajian calon:<table border="1"><tr><td colspan="2">Calon perlu menyiapkan dan menyerahkan tesis/disertasi dalam tempoh masa pengajian seperti berikut:</td></tr><tr><td>Doktor Falsafah</td><td>Maksimum 8 semester bagi pelajar sepenuh masa Maksimum 10 semester bagi pelajar separuh masa</td></tr></table>	Calon perlu menyiapkan dan menyerahkan tesis/disertasi dalam tempoh masa pengajian seperti berikut:		Doktor Falsafah	Maksimum 8 semester bagi pelajar sepenuh masa Maksimum 10 semester bagi pelajar separuh masa
Calon perlu menyiapkan dan menyerahkan tesis/disertasi dalam tempoh masa pengajian seperti berikut:						
Doktor Falsafah	Maksimum 8 semester bagi pelajar sepenuh masa Maksimum 10 semester bagi pelajar separuh masa					

		Sarjana (Mod Penyelidikan)	Maksimum 6 semester bagi pelajar sepenuh masa Maksimum 8 semester bagi pelajar separuh masa
2.	Tesis/ Disertasi	Calon adalah penerima Anugerah Tesis sekurang-kurangnya Baik dan hanya seorang calon bagi kategori Kedoktoran dan kategori Sarjana akan dinamakan oleh setiap fakulti/institut.	
3.	Penerbitan	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Memenuhi syarat minimum penerbitan bagi pengijazahan seperti yang ditetapkan oleh program berkaitan. ➤ Penerbitan tanpa nama Penyelia Utama dan/atau Penyelia tidak akan dipertimbangkan. ➤ Hanya penerbitan dengan afiliasi UKM akan dipertimbangkan. ➤ Penerbitan mesti berkaitan dengan disiplin pengajian pelajar. ➤ Penerbitan yang diambilkira adalah penerbitan dalam tempoh pengajian dan telah didaftarkan dalam e-Rep (sama ada terindeks atau tidak). 	
4.	Persidangan	Calon telah mengambil bahagian sebagai pembentang dalam persidangan antarabangsa atau kebangsaan dalam tempoh pengajian.	
5.	Kepimpinan	Calon pernah mengetuai atau terlibat dalam organisasi pelajar dalam universiti atau aktiviti luar/khidmat masyarakat di luar universiti. Walau bagaimanapun, keserjanaan seseorang calon dianggap lebih utama melebihi kriteria kepimpinan seseorang calon.	
6.	Pengiktirafan	Calon pernah menerima pengiktirafan/anugerah dalam pertandingan rekacipta/inovasi/pembentangan di peringkat universiti, kebangsaan atau antarabangsa.	

3. SYARAT-SYARAT AM PERMOHONAN YANG DIKENAKAN KE ATAS CALON-CALON PEMENANG ANUGERAH EMAS KEDOKTORAN/ANUGERAH EMAS SARJANA

BIL.	SYARAT-SYARAT AM PERMOHONAN
1.	Permohonan terbuka kepada semua pelajar pascasiswazah warganegara dan bukan warganegara peringkat pengajian Doktor Falsafah dan Sarjana (mod penyelidikan) yang akan bergraduat.
2.	Semua maklumat permohonan hanya berdasarkan program pengajian semasa sahaja.
3.	Permohonan akan disenarai pendek di peringkat fakulti/institut sebelum fakulti/institut memajukan hanya satu pencalonan bagi setiap kategori Anugerah Emas Kedoktoran dan Anugerah Emas Sarjana kepada Sekretariat Anugerah Pascasiswazah untuk pertimbangan Jawatankuasa Hadiah dan Pingat UKM.
4.	Bukti berikut perlu dilampirkan bersama borang permohonan: a) bukti penerbitan WoS/SCOPUS/ESCI/ERA yang telah DIDAFTARKAN di dalam e-ReP dan bukti indeks (jika ada); b) sijil menghadiri persidangan antarabangsa atau kebangsaan sebagai pembentang dalam tempoh pengajian yang telah disahkan benar; c) sijil/surat pengiktirafan/anugerah dan aktiviti yang telah disahkan benar; dan d) surat pengesahan SENAT yang menyatakan pelajar telah tamat pengajian
5.	Calon-calon yang disenarai pendek akan dipanggil untuk menghadiri sesi temuduga pemilihan. Pemenang Anugerah Kedoktoran dan Anugerah Emas Sarjana diwajibkan hadir ke Majlis Konvokesyen sekiranya terpilih.
6.	Keputusan penilaian permohonan adalah muktamad dan sebarang rayuan tidak akan dipertimbangkan.

4. PELAKSANAAN

- a. Fakulti/Institut mengemukakan seorang calon pemenang kepada Urusetia Anugerah bagi setiap kategori dan bidang berkaitan sebelum tarikh tutup yang ditetapkan;
- b. Jawatankuasa Penilai yang ditubuhkan dengan keahlian wakil Fakulti/Institut bertanggungjawab membuat penilaian;
- c. Calon-calon yang disenarai pendek dipanggil untuk menghadiri sesi temuduga peringkat akhir;
- d. Nama-nama pemenang dimajukan ke Urus Setia Senat untuk pengesahan;
- e. Pemenang Anugerah Emas Kedoktoran dan Anugerah Emas Sarjana diwajibkan hadir ke Majlis Konvokesyen sekiranya terpilih;
- f. Senarai pemenang Anugerah Emas Kedoktoran dan Anugerah Emas Sarjana akan disenaraikan dalam buku cenderamata Konvokesyen Universiti Kebangsaan Malaysia.

Disediakan oleh
Unit Kompetensi Siswazah dan Promosi
Pusat Pengurusan Akademik (AKADEMIK UKM)
9 Mei 2023